



TMIYC JOHOR BAHRU 'PLATFORM' REKREASI BAHARU GOLONGAN BELIA



'LEADERSHIP IN SUSTAINABILITY AWARDS 2020' IKTIRAF MENARA MBBB



AKU JANJI WARGA MBBB PERANGI PEMBERI RASUAH



MBBB TERIMA PENGHARGAAN 100% LAKSANA 'e-CENCUS'



QR code (penerbitan rasmi mbbb)

4	▶ 'LEADERSHIP IN SUSTAINABILITY AWARDS 2020' IKTIRAF MENARA MBJB
5	▶ MAJLIS PELANTIKAN & ANGKAT SUMPAH AHLI MAJLIS MBJB
6	▶ ANUGERAH TANDAS BERSIH PERINGKAT KEBANGSAAN 2020
7	▶ MBJB UNGGUL TERIMA ANUGERAH DI 'APIC' 2020
8	▶ INFO LAWATAN
9	▶ INFO KURSUS
10	▶ SESI 'CLOCK OUT'
11	▶ SESI 'CLOCK IN'
12	▶ MBJB TERIMA PENGHARGAAN KHAS BANDAR MAMPAN 2020
13	▶ PENGANUGERAHAN BANDAR MAMPAN 2020 & PENGHARGAAN KHAS BANDAR MAMPAN 2020
14	▶ - MBJB TERIMA SERAHAN BAHAN KEMPEN PEMBUDAYAAN NORMA BAHARU DARIPADA AGENSI PENGURUSAN BENCANA NEGARA (NADMA) - MBJB TERIMA PENGIKTIRAFAN PENSIJILAN MS ISO 900 1 : 2015 SIRIM QAS INTERNATIONAL SDN. BHD.
15	▶ 'SELAMAT BERSARA Ir. HAJI SULAIMAN BIN MOHD TAIB'
16	▶ PROGRAM ZON AHLI MAJLIS & LA21
17	▶ IHSAN BANDARAYA
18	▶ KILAS LENSEA
19	▶ MBJB TERIMA PENGHARGAAN 100% LAKSANA 'e-CENCUS'
20	▶ MBJB SANA SINI
21	▶ SESI PENYERAHAN & TANDATANGAN WATIKAH JANJI WARGA PBT PERANGI PEMBERI RASUAH
22&23	▶ TMIYC JOHOR BAHRU 'PLATFORM REKREASI BAHARU' GOLONGAN BELIA

PENAUNG

YB Dato' Haji Adib Azhari
Bin Daud
Datuk Bandar

PENASIHAT

Haji Miswan Bin Yunus
(Setiausaha)

Ir. Puan Hajah Nazatul
Shima Binti Mohamad
(Timbalan Setiausaha)

KETUA PENGARANG

Puan Fadzlina Binti Abdul
Malek

SIDANG**PENGARANG/KOLUMNIS**

Encik Muhammad Iqbal Arami
Bin Mohamed Sharif
Puan Hidayah Binti Yusof
Cik Nurul Shafina Binti Shaari
Puan Norasmah Binti Mohd
Adros

JURU FOTO

Haji Bahri Bin Abdullah
Encik Romzi Bin Yusof

URUS SETIA

Unit Penerbitan,
Bahagian Korporat dan
Perhubungan Awam,
Majlis Bandaraya Johor Bahru.

LENSA BANDAR RAYA JB diterbitkan oleh Bahagian Korporat dan Perhubungan Awam, Majlis Bandaraya Johor Bahru empat (4) kali setahun dan diedarkan secara PERCUMA. Kami sangat mengalu-alukan sumbangan idea berupa artikel, cadangan atau komen daripada anda. Sila hantarkan cetusan kreatif anda kepada:

**Unit Penerbitan, Bahagian Korporat dan Perhubungan Awam,
Majlis Bandaraya Johor Bahru.**

HAK CIPTA TERPELIHARA. Sebarang bahagian dalam penerbitan ini tidak boleh diulang cetak atau disiarkan dalam apa-apa jua cara, sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman, atau lain-lain, sebelum mendapat izin bertulis daripada penerbit Bahagian Korporat dan Perhubungan Awam, Majlis Bandaraya Johor Bahru.

DIREKTORI TELEFON MBJB

JABATAN / BAHAGIAN	NO TELEFON	JABATAN / BAHAGIAN	NO TELEFON
PEJABAT DATUK BANDAR	07-228 2600	BAHAGIAN SUMBER MANUSIA	07-219 8184
PEJABAT SETIAUSAHA	07-228 2626	UNIT DASAR, INOVASI & LATIHAN	07-219 8159
PEJABAT TIMBALAN SETIAUSAHA	07-228 2510	UNIT HAL EHWAL ISLAM	07-219 8210
TALIAN AM	07-228 2532	BAHAGIAN PENTADBIRAN	07-219 8170
TALIAN ADUAN	07-219 8000	BAHAGIAN UNDANG-UNDANG	07-219 8256
TALIAN BEBAS TOL	1-300-88-0146	BAHAGIAN AUDIT DALAM	07-219 8268
BAHAGIAN KORPORAT & PERHUBUNGAN AWAM	07-219 8055	UNIT INTEGRITI	07-219 8117
BAHAGIAN TEKNOLOGI MAKLUMAT	07-219 8070	UNIT MESYUARAT	07- 219 8022
JABATAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT	07-219 8039	JABATAN PERANCANGAN PEMBANGUNAN	07-219 8241
BAHAGIAN PELESENAN	07-219 8289	JABATAN PERANCANG (KAWALAN PERANCANGAN)	07-219 8217
BAHAGIAN PESURUHJAYA BANGUNAN (COB)	07-219 8273	JABATAN PERANCANG (RANCANGAN PEMAJUAN & PENGANTARABANGSAAN)	07-219 8245
UNIT PUSAT SETEMPAT (OSC)	07-219 8285	BAHAGIAN SISTEM MAKLUMAT GEOGRAFI (GIS)	07-219 8197
BAHAGIAN HASIL	07-219 8028	JABATAN KAWALAN BANGUNAN	07-219 8119
BAHAGIAN PERBELANJAAN	07-219 8091	BAHAGIAN PENGUATKUASAAN BANGUNAN	07-219 8206
BAHAGIAN UKUR BAHAN	07-219 8042	BAHAGIAN PROJEK BANGUNAN	07-219 8145
JABATAN PENILAIAN (PEJABAT PENGARAH & PENSWASTAAN)	07-219 8225	JABATAN KERJA AWAM (BAHAGIAN KERJA AWAM)	07-219 8101
JABATAN PENILAIAN (UNIT TUNGGAKAN CUKAI HARTA)	07-219 8233	BAHAGIAN SALIRAN	07-219 8125
JABATAN PENILAIAN (UNIT TEKNIKAL/UNIT PENILAI)	07-219 8232	BAHAGIAN JALAN	07- 219 8135
JABATAN PENILAIAN (PENGURUSAN HARTA)	07-219 8219	JABATAN KESIHATAN	07-228 2564
		JABATAN PENGANGKUTAN BANDAR	07-227 7235
		JABATAN PENGUATKUASAAN	07-227 1041



MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU

AMALAN NORMA BAHARU BEBAS COVID-19

Duduk Di Rumah Jika
Tiada Urusan Penting
Di Luar
Stay at Home



Elakkan Tempat Sesak,
Sempit & Bertutur Jarak Dekat
*Avoid Crowded, Confined
Area & Close Conversation*



Kerap Basuh Tangan
Wash Hand Regularly



Pakai Pelitup Muka
Wear Face Mask



Penjarakan Sosial
Social Distancing

#Cegah COVID-19

JANGAN LEKA DAN ALPA, KITA BELUM MENANG



MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU

"SEARCH AND DESTROY" BEBAS DENGGI



Jaga
Kebersihan



Hentikan Kitaran
Hidup Aedes



Buang Air
Bertakung

#Cegah Denggi

JANGAN LEKA DAN ALPA, KITA BELUM MENANG

'LEADERSHIP IN SUSTAINABILITY AWARDS 2020'

IKTIRAF MENARA MBJB

10 November 2020 – Susulan pengiktirafan Menara Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) sebagai pemenang kategori 'Best New Green Institutional Building' di Leadership in Sustainability Awards 2020 anjuran Malaysia Green Building Council pada 15 Ogos lalu, sebuah sesi penyampaian anugerah secara rasmi telah diadakan bertempat di Menara MBJB, Bukit Senyum. Anugerah tersebut telah disampaikan oleh Prof. Ts. Dr. Mohd Hamdan bin Haji Ahmad, Pengerusi 'Green Building Council Malaysia' Zon Selatan kepada YB Dato' Haji Adib Azhari bin Daud, Datuk Bandar Johor Bahru.

Selain anugerah utama tersebut, MBJB turut menerima anugerah 'Honourable Mention' bagi kategori *Special Awards on Sustainable Development Goals* dan *Johor Bahru Low Carbon Action Plan 2025* bagi kategori 'Best Green Research'.

Kemenangan ini juga melayakkan Menara MBJB terpilih mewakili Malaysia ke *World Green Building Council Asia Pacific Network Awards 2020 (World GBC APN)* bagi kategori *Leadership in Sustainable Design and Performance*.



MAJLIS PELANTIKAN & ANGKAT SUMPAH AHLI MAJLIS MBBJ

Berkuatkuasa Oktober 2020 hingga 31 Disember 2021



9 November 2020 – Seramai lapan orang Ahli Majlis, Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) bagi fasa kedua telah mengangkat sumpah untuk memberi perkhidmatan dan mewakili zon masing-masing. Pada 27 September 2020 lalu, enam orang Ahli Majlis telah dilantik untuk fasa pertama dan menjadikan keseluruhan Ahli Majlis MBBJ yang dilantik untuk penggal ini adalah seramai 14 orang.

Majlis Pelantikan dan Angkat Sumpah Ahli Majlis itu disaksikan oleh YB Dato' Haji Adib Azhari bin Daud, Datuk Bandar Johor Bahru, Encik Abdul Malik bin Haji Ismail, Setiausaha MBBJ dan Ir. Hajah Nazatul Shima binti Mohamad, Timbalan Setiausaha MBBJ. Setinggi-tinggi penghargaan serta ucapan tahniah dan syabas kepada barisan Ahli Majlis MBBJ yang telah dilantik.

Majlis dimulakan dengan upacara pelantikan dan angkat sumpah Ahli-Ahli Majlis MBBJ, diikuti dengan penyerahan surat pelantikan Ahli-Ahli Majlis dan pengakuan menerima jawatan serta akuan sumpah menyimpan rahsia dan ikrar menentang rasuah.



ANUGERAH TANDAS BERSIH PERINGKAT KEBANGSAAN 2020

10 November 2020 – Sebanyak empat (4) agensi kerajaan dan swasta dalam kawasan pentadbiran MBBJ telah dinobatkan sebagai pemenang tandas terbersih mengikut kategori masing-masing dalam Pertandingan Pengiktirafan Tandas Awam Bersih Peringkat Kebangsaan Tahun 2019 sempena Sambutan Hari Tandas Sedunia 2020 Peringkat Kebangsaan.

Penganugerahan tersebut berjaya diterima oleh Masjid Sultan Abu Bakar (Tempat Pertama Kategori Rumah Ibadat), Restoran Pekin KK Sdn Bhd, Ulu Tiram (Tempat Pertama Kategori Kedai Makan/ Restoran), AEON Mall Bandar Dato' Onn, Johor Bahru (Tempat Pertama Kategori Pusat Beli-Belah) dan Sekolah Kebangsaan Bandar Uda 2, Bandar Baru Uda (Tempat Pertama Kategori Sekolah Rendah).

Melalui penganugerahan ini, diharapkan dapat menjadi pemangkin semangat kepada semua pemilik premis di bawah agensi kerajaan dan swasta agar terus konsisten memelihara kebersihan tandas awam masing-masing.




MBJB UNGGUL TERIMA ANUGERAH DI 'APIC' 2020

17 November 2020 – Kumpulan 'AC' dan kumpulan 'DICE' sebelum ini telah menyertai Konvensyen *Team Excellence (ICC)* peringkat kebangsaan dan mewakili Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) ke *Annual Productivity and Innovation Conference & Exposition (APIC)* yang telah diadakan secara dalam talian bertempat di Menara MJB, Bukit Senyum.

Kumpulan 'AC' disertai lima orang peserta dari Jabatan Kerja Awam, manakala kumpulan 'DICE' diwakili seramai 10 orang peserta dari Jabatan Penguatkuasaan dan Bahagian Undang-Undang, MBJB. Kedua-dua kumpulan ini telah menerima pengiktirafan Anugerah Emas (5 Bintang) dalam pertandingan tersebut. Kumpulan 'AC' membentangkan tajuk projek berjudul 'Kes Vandalisme di Tiang Lampu Jalan Meningkatkan dalam Kawasan MJB' manakala kumpulan 'DICE' membentangkan projek berjudul 'Kelewatan Merekod Kesalahan Kenderaan yang Ditunda'.

WAKIL MBJB KE 'ANNUAL PRODUCTIVITY & INNOVATION CONFERENCE & EXPOSITION' (APIC) 2020



KUMPULAN 'AC'



KUMPULAN 'DICE'

SIJIL PENGHARGAAN 'ANNUAL PRODUCTIVITY & INNOVATION CONFERENCE & EXPOSITION' (APIC) 2020



INFO

LAWATAN



KUNJUNGAN HORMAT KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF JOHOR CORPORATION

26 Oktober 2020 - Tuan Syed Mohamed bin Syed Ibrahim, Ketua Pegawai Eksekutif Johor Corporation (JCorp) berkesempatan membuat kunjungan hormat ke pejabat Datuk Bandar Johor Bahru. Syed Mohamed merupakan seorang yang berpengetahuan luas dan pakar dalam bidang perbankan, korporat, pembangunan hartanah, teknologi dan strategi perniagaan.

KUNJUNGAN HORMAT KONSUL JENRAL SINGAPURA / PESURUHJAYA TINGGI SINGAPURA

19 November 2020 - Datuk Bandar Johor Bahru menerima kunjungan hormat Konsul Jeneral Republik Singapura, Jeevan Singh, di pejabatnya bagi membincangkan prospek kerjasama dua hala antara MJB dan Konsulat Jeneral Republik Singapura pada masa akan datang.



LAWATAN TAPAK DATUK BANDAR KE BUKIT BATU GAJAH, FELDA ULU TEBRAU & KEBUN KEJIRANAN, TAMAN DESA JAYA

21 November 2020 - Datuk Bandar Johor Bahru bersama ketua jabatan dan Ahli Majlis melawat kawasan kebun kejiranan di Taman Desa Jaya, Johor Bahru. Delegasi lawatan juga turut berkesempatan ke Bukit Batu Gajah, Felde Ulu Tebrau yang terletak berdekatan kawasan berkenaan.

INFO

KURSUS



Kursus Kesempurnaan Solat : 4 Oktober 2020

Objektif: Memberi Pendedahan kepada Anggota Tentang Cara Solat Yang Betul Berdasarkan Rukun dan Syarat-Syarat Yang Telah Ditetapkan serta Menanam Sikap Tanggungjawab Untuk Melaksanakan Solat Fardu Dalam Kehidupan Harian.



Kursus Tahsin Bacaan Al-Quran : 7 Oktober 2020

Objektif: Memberi Pendedahan Kemahiran Al-Quran Kepada Setiap Peserta dan meningkatkan Mutu Bacaan Al-Quran.

Kursus Bahasa Inggeris 'Speak With Confidence': 26 - 28 Oktober 2020

Objektif: Mengembangkan Pengetahuan dan Penggunaan Perbendaharaan Kata Dalam Bahasa Inggeris serta memperbaiki Sebutan Dalam Bahasa Inggeris Dengan Betul.

Kursus Kesihatan dan Kecergasan Diri: 1 - 2 November 2020

Objektif: Memberi Galakan Kepada Anggota untuk Mengamalkan Gaya Hidup Yang Sihat di samping Menjaga Pemakanan Seimbang Untuk Kehidupan Yang Lebih Sihat.

Kursus Pertolongan Cemas: 3 - 4 November 2020

Objektif: Menentukan Tindakan Yang Betul untuk Memberi Rawatan Kecemasan Jika Berlaku Kemalangan serta memenuhi Keperluan 'Occupational Safety and Health Act 1994'.

Kursus Pemuatan Manual Pemangkasan Pokok Ameniti: 9 - 12 Disember 2020

Objektif: Memberi Pengetahuan kepada Anggota mengenai Teknik Yang Betul untuk Pemangkasan Pokok Ameniti serta tanggungjawab Menjaga dan Memelihara Alam Sekitar.

SESI 'CLOCK OUT'

Terima Kasih

Encik Abdul Malik bin Haji Ismail
(*Setiausaha, Majlis Bandaraya Johor Bahru*)

30 November 2020 – Selama 1 tahun 10 bulan perkhidmatannya sebagai Setiausaha Majlis Bandaraya Johor Bahru, Encik Abdul Malik bin Haji Ismail akhirnya mengucapkan selamat tinggal kepada warga kerja Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) dalam sesi 'clock out' yang berlangsung pada November lalu.

Sesi 'clock out' atau rakam keluar ini turut dihadiri oleh ketua jabatan dan bahagian MBJB. Encik Abdul Malik bin Haji Ismail akan berkhidmat sebagai Ketua Pegawai Eksekutif di Syarikat Air Johor Sdn. Bhd. bermula pada 1 Disember 2020.

Ahli Majlis dan seluruh warga kerja MBJB mengucapkan 'Selamat Maju Jaya' dan terima kasih atas jasa dan sumbangan Encik Abdul Malik bin Haji Ismail sepanjang melaksanakan tanggungjawab beliau sebagai Setiausaha Majlis Bandaraya Johor Bahru.



SESI 'CLOCK IN'

Selamat Datang

Haji Miswan bin Yunus
(*Setiausaha, Majlis Bandaraya Johor Bahru*)

2 Disember 2020 – Warga Majlis Bandaraya Johor Bahru melahirkan rasa sukacita menerima kehadiran Setiausaha Majlis Bandaraya Johor Bahru yang baharu, iaitu YBhg. Tuan Haji Miswan bin Yunus yang menggantikan, Encik Abdul Malik bin Haji Ismail yang kini berkhidmat sebagai Ketua Pegawai Eksekutif di Syarikat Air Johor Sdn. Bhd.

Sesi 'clock in' atau 'rakam masuk' ini dihadiri oleh ketua jabatan dan bahagian MBB. Ahli Majlis dan seluruh warga kerja MBB mengucapkan selamat datang dan tahniah kepada YBhg. Tuan Haji Miswan bin Yunus atas pelantikan sebagai Setiausaha Majlis Bandaraya Johor Bahru yang baharu.



MBJB TERIMA PENGHARGAAN KHAS BANDAR MAMPAN 2020



10 November 2020 – MBBJ telah menerima Penghargaan Khas Pencapaian Konsisten dalam Pelaksanaan Penunjuk Bandar Mampan (MURNInets) sempena Sambutan Hari Perancangan Bandar Sedunia (HPBS) 2020 ke-32.

Lebih manis, penghargaan ini menjadikan MBBJ sebagai PBT pertama Negeri Johor yang memenangkannya dan juga tahun 2020 ini merupakan 100 tahun perancangan bandar di Malaysia.

HPBS 2020 telah dirasmikan oleh Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, YB Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin dengan tema 'Norma Baharu - Perancangan Melangkaui Kelaziman'. Sambutan HPBS 2020 bertujuan meraikan dan menghargai peranan perancang bandar dalam perancangan dan pembangunan khususnya, ke arah mewujudkan persekitaran hidup yang berkualiti dan pembentukan masyarakat yang sejahtera.



PENGANUGERAHAN BANDAR MAMPAN 2020 & PENGHARGAAN KHAS BANDAR MAMPAN 2020

21 Disember 2020 - Sempena Sambutan 100 Tahun Perancang Bandar Malaysia Peringkat Negeri Johor, MBBJ telah menerima dua anugerah iaitu Anugerah Bandar Mampan 2020 dan Penghargaan Khas Bandar Mampan 2020.

Melalui penghargaan ini, MBBJ akan terus komited dalam usaha mengekalkan momentum kemampunan bandar raya Johor Bahru bagi menyediakan kehidupan yang kondusif dan berkualiti kepada warga bandar raya dan juga menjadikan Johor Bahru sebagai sebuah bandar raya bertaraf antarabangsa, berbudaya dan lestari.



'Ihsan Foto: Facebook Menteri Besar Johor'





MBJB TERIMA SERAHAN BAHAN KEMPEN PEMBUDAYAAN NORMA BAHARU DARIPADA AGENSI PENGURUSAN BENCANA NEGARA (NADMA)

6 Disember 2020 – Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) telah menerima serahan bahan-bahan promosi sempena Kempen Pembudayaan Norma Baharu daripada Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA).

Bahan-bahan kempen tersebut telah diserahkan oleh Encik Mohamad Azhan bin Md Amir, Timbalan Ketua Pengarah (Pasca Bencana), Agensi Pengurusan Bencana Negara kepada Tuan Haji Miswan bin Yunus, Setiausaha MBJB. Penyerahan bahan-bahan kempen tersebut merupakan salah satu bentuk promosi kepada masyarakat untuk bersama-sama menjalankan tanggungjawab bagi mencegah penularan wabak COVID-19.



MBJB TERIMA PENGIKTIRAFAN PENSIJILAN MS ISO 9001 : 2015 SIRIM QAS INTERNATIONAL SDN. BHD.

13 - 15 Disember 2020 – Buat julung kalinya, Audit Pensijilan Semula Sistem Pengurusan Kualiti MS ISO 9001: 2015 telah dilaksanakan oleh pasukan audit dari SIRIM QAS International Sdn. Bhd. melalui kaedah pengauditan secara dalam talian menggunakan aplikasi Webex.

Audit pemantauan ini dilaksanakan bertujuan menentu sah sama ada organisasi telah mengenalpasti perubahan antara MS ISO 9002: 2008 dan ISO 9001: 2015 dan menentu sah latihan berkaitan ISO 9001: 2015 kepada setiap pihak berkaitan yang akan memberi kesan langsung kepada keberkesanan sistem pengurusan kualiti.

Skop auditan merangkumi aspek-aspek berdasarkan standard MS ISO 9001: 2015 iaitu penyediaan dan pengurusan, kawalan pembangunan, pengurusan cukai harta, kawalan perniagaan dan kebersihan persekitaran.

Seramai tiga orang juruaudit dari SIRIM QAS International Sdn. Bhd. melaksanakan auditan ke atas MBJB iaitu En. Syed Faddy bin Syed Bahrudin, En. Mohd Nasir bin Md. Zainuddin dan En. Mohd Nasim bin Zakaria. Tahniah dan syabas kepada MBJB kerana berjaya menerima pengiktirafan Pensijilan MS ISO 9001: 2015 daripada SIRIM Qas International Sdn. Bhd.

SELAMAT BERSARA

Ir. Tuan Haji Sulaiman bin Mohamad Taib



10 Disember 2020 – Warga kerja MBBJ mengucapkan “Selamat Bersara” dan terima kasih atas khidmat bakti Ir. Tuan Haji Sulaiman bin Mohamad Taib yang telah disumbangkan dengan cemerlang untuk Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) selama 39 tahun 6 bulan perkhidmatannya sebagai Pengarah Kerja Awam (dahulu dikenali sebagai Jabatan Kejuruteraan).

Ir. Tuan Haji Sulaiman bin Mohamad Taib telah diraikan dalam majlis perpisahan penuh sederhana bagi mengenang jasa dan sumbangan beliau selama berkhidmat di MBBJ. Sesi *clock out* atau ‘rakam keluar’ beliau telah dihadiri oleh anggota MBBJ termasuklah ketua jabatan dan bahagian serta warga kerja MBBJ.



PROGRAM ZON AHLI MAJLIS & LAZI



Pesta Tanglung Muhibbah di Jalan Permas 12
- Zon Permas Jaya
Tarikh: 3 Oktober 2020



Program 'Search and Destroy' (SND) di Rumah
Pangsa Seri Murni, Tampoi - Zon Teluk Danga
Tarikh: 10 Oktober 2020



Program 'Search and Destroy' (SND) di Sekolah
Kebangsaan Felda Ulu Tebrau - Zon Tiram
Tarikh: 10 Oktober 2020



Program 'Search and Destroy' (SND) di
Pangsapuri Saujana - Zon Bandar
Tarikh: 17 Oktober 2020



Program 'Back To School' di Masjid Permas Jaya
- Zon Permas Jaya/ Teluk Jawa
Tarikh: 26 Disember 2020

IHSAN BANDAR RAYA



Pada Disember 2020 lalu, Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) telah mengadakan 'Program Sumbangan Bakul Makanan' kepada lebih 3,000 buah keluarga di sekitar bandar raya Johor Bahru melalui zon Ahli Majlis dalam kawasan MBJB. Program ini merupakan suatu langkah proaktif melalui peranan Ahli Majlis MBJB yang telah dilantik untuk membantu rakyat dan penduduk setempat yang terkesan akibat pandemik COVID-19. Pelaksanaan program ini juga dijangka dapat merapatkan lagi hubungan silaturahim antara pihak MBJB dengan masyarakat. Sumbangan bakul makanan tersebut mengandungi bahan runcit seperti beras, tepung, gula, makanan dalam tin, mi segera dan sebagainya.



**Sumbangan Bakul Makanan di Rumah Pangsa Seri Orkid - Zon Desa Cemerlang
27 Disember 2020**



**Sumbangan Bakul Makanan Peniaga di Dataran Bandaraya - Zon Bandar
28 Disember 2020**



**Sumbangan Bakul Makanan di Projek Perumahan Rakyat Desa Melayu - Zon Bakar Batu
28 Disember 2020**



**Sumbangan Bakul Makanan di Dewan Kg. Kurnia - Zon Kebun Teh dan Stulang
30 Disember 2020**



**Sumbangan Bakul Makanan & Peralatan Sekolah di Rumah Pangsa Stulang Laut - Zon Stulang dan Kebun Teh
31 Disember 2020**



**Sumbangan Bakul Makanan di Rumah Pangsa Larkin Perdana - Zon Larkin
29 Disember 2020**

KILAS



Program 'Integrity Talk: Tumbuk Rusuk Duit Panadol Pengkisahan dari Tirai Besi'

5 Oktober 2020 - Sekitar program 'Integrity Talk: Tumbuk Rusuk Duit Panadol Pengkisahan dari Tirai Besi' yang disampaikan oleh Tuan Mohd Firdaus Ramlan dari CJ Global Ventures di Dewan Kenanga, Menara MJB. Seminar ini dihadiri oleh seramai 250 orang peserta. Objektif seminar ini diadakan bertujuan meningkatkan kesedaran akan kepentingan pembudayaan integriti dalam organisasi di samping memberi pendedahan berkaitan isu-isu rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa dalam perkhidmatan awam.



Lawatan Penyelarasan Tindakan Banjir Kilat di Lebu Raya Pasir Gudang, Persimpangan Bandar Seri Alam dan Taman Rinting, Johor Bahru, Johor.

3 Disember 2020 - Lawatan penyelarasan ini diadakan bertujuan mengenalpasti punca dan tindakan yang perlu dilaksanakan secara berkala oleh setiap agensi termasuklah pihak Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB), Majlis Bandaraya Pasir Gudang (MBPG) dan Jabatan Kerja Raya (JKR). Lokasi lawatan ini mengambil kira persekitaran kawasan yang terlibat dengan bencana banjir, jajaran Sungai Rinting dan sistem perparitan di Lebu Raya Pasir Gudang sepanjang 500 meter. Tindakan ini merupakan langkah proaktif bagi mencegah kejadian banjir kilat melalui pelaksanaan kerja-kerja penyelenggaraan secara berkala oleh agensi yang terlibat. Turut hadir dalam sesi lawatan tersebut ialah Datuk Bandar Johor Bahru, Datuk Bandar MBPG dan Ketua Penolong Pengarah JKR Daerah.



MAJLIS CABUTAN BERTUAH CUKAI HARTA 2020

29 Disember 2020 - Program cabutan bertuah yang diadakan secara dalam talian ini bertujuan memberi insentif dan galakan kepada pembayar cukai harta dalam kawasan pentadbiran Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB). Sebanyak 45 hadiah ditawarkan dengan nilai keseluruhan berjumlah RM200,600.00 bagi kategori bayaran cukai harta atas talian (36,764 akaun) dan kategori bayaran cukai harta umum; selain atas talian (76,465 akaun). Cabutan telah dibuat oleh ahli-ahli panel iaitu YB Dato' Haji Adib Azhari bin Daud, Datuk Bandar Johor Bahru, YBhg. Datuk Haji Mohamad bin Dolmat, Ketua WHIP MJB, Tn. Hj. Miswan bin Yunus, Setiausaha MJB dan Ir. Hajah Nazatul Shima binti Mohamad, Timbalan Setiausaha MJB. Antara hadiah utama yang bakal dimiliki oleh para pemenang adalah sebuah kereta Perodua Aruz, motosikal Yamaha Y15, dron dan sebagainya.

MBJB TERIMA PENGHARGAAN 100% LAKSANA 'e-CENSUS'

24 Disember 2020 – Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) telah menerima penghargaan dari Jabatan Perangkaan Malaysia atas pencapaian 100% pengisian Bancian Perumahan dan Penduduk, 'e-Census' iaitu isian butiran banci penduduk secara dalam talian (online) oleh warga kerja MBJB.

Penghargaan tersebut telah disampaikan oleh Wan Mohd Shahrulnizam bin Wan Mohd Najuri, Pengarah Jabatan Perangkaan Malaysia Negeri Johor kepada YB Dato' Haji Adib Azhari bin Daud, Datuk Bandar Johor Bahru di Menara MBJB, Bukit Senyum.

Tahniah diucapkan kepada semua yang telah selesai mengisi 'e-Census'. Warga bandar raya dinasihatkan agar memberi kerjasama sepenuhnya dalam menjayakan proses Bancian Penduduk dan Perumahan Malaysia ini.



← MBBJB →

SANA SINI



Mesyuarat Agung ANULAE di Dewan Kenanga, Menara MBBJB
Tarikh: 11 Oktober 2020



Penyerahan Sumbangan PUSPANITA kepada Asnaf di Darul Hanan, Pasir Gudang
Tarikh: 28 Oktober 2020



Sesi Soal Jawab Sempena 'Annual Productivity and Innovation Conference & Exposition (APIC) 2020'
Tarikh: 18 November 2020



Pengundian Tapak Niaga Bazar JB di Dewan Jubli Intan Sultan Ibrahim
Tarikh: 25 November 2020



Program 'Iskandar Malaysia Urban Observatory Forum' di Hotel Double Tree
Tarikh: 21 Disember 2020



Program Pembudayaan Al-Quran dan Tazkirah di Surau Menara MBBJB
Tarikh: 31 Disember 2020



**SESI PENYERAHAN & TANDATANGAN WATIKAH
JANJI WARGA PBT PERANGI PEMBERI RASUAH**

15 Disember 2020 – Sebuah sesi penyerahan dan tandatangan ‘Watikah Janji Warga PBT Perangi Pemberi Rasuah’ bersempena Hari Antirasuah Antarabangsa (HARA) 2020 telah diadakan bertempat di Menara MJB, Bukit Senyum. HARA yang disambut pada 9 Disember setiap tahun pada peringkat nasional itu menggunakan tema “PBT Perangi Rasuah” pada tahun ini. Melalui sambutan HARA, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menyasarkan penglibatan 153 PBT di seluruh Malaysia bagi menangani isu rasuah dan penyalahgunaan kuasa dengan lebih efisien.

Sesi penyerahan watikah tersebut telah disampaikan oleh YBhg. Dato’ Haji Azmi bin Alias, Pengarah Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia Johor kepada YB Dato’ Haji Adib Azhari bin Daud, Datuk Bandar Johor Bahru. Sesi penyerahan watikah ini secara rasminya membuktikan komitmen setiap warga kerja MJB dalam usaha memerangi jenayah rasuah.





TMIYC JOHOR BAHRU 'PLATFORM' BAHARU GOLONGAN BELIA

21 Disember 2020 – Menjunjung setinggi-tinggi kasih dan penghargaan kepada DYAM Tunku Ismail Ibni Sultan Ibrahim, Tunku Mahkota Johor dan YAM Che' Puan Khaleeda binti Bustamam atas perkenan mencemar duli berangkat ke 'Majlis Perasmian Tunku Mahkota Ismail Youth Centre (TMIYC) Johor Bahru'. TMIYC Johor Bahru yang berkeluasan 15 ekar dan terletak di Hutan Bandar Johor Bahru ini bakal menjadi antara 'platform' rekreasi baharu komuniti belia untuk menjalankan aktiviti rekreasi dan riadah bersama seisi keluarga.

Selaras dengan visi pembangunannya, TMIYC Johor Bahru diharap akan menjadi pusat aktiviti terkenal dan lestari yang dikendalikan oleh komuniti belia untuk pembangunan dari segi ekonomi dan sosial.

TRIVIA TMIYC JOHOR BAHRU

- Penubuhan TMIYC Johor Bahru diilham dan dirasmikan oleh DYAM Tunku Ismail Idris ibni Sultan Ibrahim, Tunku Mahkota Johor pada 21 Disember 2020.
- Terletak di Hutan Bandar Johor Bahru dengan keluasan 15 ekar. Pembangunan TMIYC Johor Bahru terdiri daripada 12 komponen.
- Merupakan 'platform' untuk komuniti belia menjalankan aktiviti rekreasi dan beriadah secara santai.
- Waktu operasi TMIYC Johor Bahru:
● **Dibuka pada setiap hari bermula jam 7.00 pagi - 7.00 malam.**
'Tertakluk kepada perubahan dari semasa ke semasa.'

KOMPONEN TMIYC JOHOR BAHRU

01 YOUTH CENTRE

Pusat bagi para belia berkumpul dan merancang pelbagai aktiviti di TMIYC Johor Bahru.



02 ROCK YARD

Salah satu daripada tiga seperti ini di Malaysia.

*Top rope : 12 meter
Bouldering : 6 meter.*



03 SKATE PRO

Terbesar di Johor Bahru dan yang pertama mempunyai 'bowl' setinggi 6 kaki.



04 PUMP TRACK

Salah satu trek basikal berturap terbesar di Johor Bahru.

Keluasan : 900 m².



08 CANOPY WALK

Merangkumi 2 laluan berkanopi yang dihubungkan dengan 2 jambatan.

Jarak : 1.9 km



07 THE STAGE

Ruang teater terbuka untuk pengunjung.

Kapasiti : 150 - 200 penonton



06 PARKOUR PARK

Merupakan lokasi aktiviti seni pergerakan badan yang pertama seumpamanya di Malaysia.



05 MOUNTAIN BIKE TRAIL

Trek untuk basikal lasak.

Jarak trek : 1.7 km



09 CHILL PODS

3 unit *chill pod* disediakan untuk kegunaan seperti mesyuarat santai, *busking* dan bengkel pembelajaran.



10 KIDDO GROUND

Untuk kanak-kanak berumur bawah 12 tahun.



11 CONCEPT STORE & CAFE

Tersedia gerai jualan cenderamata, peralatan sukan, makanan dan minuman

Jumlah kiosk : 23 unit



12 KUBUS LESTARI

Kemudahan dewan serbaguna dengan kapasiti 50 orang dan juga surau.



JADUAL WAKTU URUSAN PEJABAT MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU

MENARA MBBJ, PEJABAT JALAN DATO' ONN & JOTIC

HARI	JAM
AHAD – RABU	8.00 PAGI – 5.00 PETANG
KHAMIS	8.00 PAGI – 3.30 PETANG
WAKTU REHAT	1.00 TENGAH HARI – 2.00 PETANG
JUMAAT, SABTU & KELEPASAN AM	TUTUP

KAUNTER SETEMPAT (PEJABAT JALAN DATO' ONN)

HARI	JAM
AHAD – RABU	8.00 PAGI – 5.00 PETANG
KHAMIS	8.00 PAGI – 3.30 PETANG
JUMAAT, SABTU & KELEPASAN AM	TUTUP

PEJABAT CAWANGAN PERMAS JAYA

HARI	JAM
AHAD – RABU	9.00 PAGI – 4.00 PETANG
KHAMIS	9.00 PAGI – 1.00 TENGAH HARI
JUMAAT, SABTU & KELEPASAN AM	TUTUP

PEJABAT CAWANGAN JOHOR JAYA

HARI	JAM
AHAD – RABU	9.00 PAGI – 4.00 PETANG
KHAMIS	9.00 PAGI – 3.00 PETANG
WAKTU REHAT	1.00 TENGAH HARI – 2.00 PETANG
JUMAAT, SABTU & KELEPASAN AM	TUTUP

PUSAT TRANSFORMASI BANDAR (UTC)

HARI	JAM
AHAD – KHAMIS	8.00 PAGI – 9.00 MALAM
JUMAAT & SABTU	8.00 PAGI – 5.00 PETANG
WAKTU REHAT	12.15 TENGAH HARI – 2.45 PETANG (JUMAAT SAHAJA)
KELEPASAN AM	TUTUP



WAKTU OPERASI KAUNTER PANDU BAYAR (Bayaran Cukai Harta & Kompaun MBBJ Sahaja)

JAN, FEB, JULAI & OGOS	
AHAD - RABU	9.00 PAGI – 4.00 PETANG
KHAMIS	9.00 PAGI – 1.00 TENGAH HARI
TUTUP : JUMAAT, SABTU & CUTI UMUM	
MAC, APR, MEI, JUN, SEPT, OKT, NOV & DIS	
DIBUKA PADA AHAD SAHAJA	9.00 PAGI – 4.00 PETANG
TUTUP : ISNIN HINGGA SABTU & CUTI UMUM	

Tel : 07-219 8008
(Bahagian Hasil, Jabatan Kewangan MBBJ)



MENARA MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU

No. 1, Jalan Lingkaran Dalam,
Bukit Senyum, 80300 Johor Bahru,
Johor Darul Ta'zim.

Talian Am: 07 - 219 8000 Faks: 07 - 223 0619
Talian Bebas Tol: 1 - 300 - 88 - 0146
Whatsapp Aduan: 019 - 778 8212
Laman Web: www.mbjb.gov.my
Laman Sispaa: mbjb.spab.gov.my
E-mel: info@mbjb.gov.my

